

28/02/2003

Pesta Aneka Ragam tarik ribuan penonton

Fazli Abdullah

PUTRAJAYA: Pesta Aneka Ragam yang menampilkan persembahan artis dan pertunjukan bunga api, berjaya menarik ribuan penonton membanjiri Kelab Tasik Putrajaya Sabtu lalu, sekali gus menebus sambutan hambar orang ramai

ke atas beberapa program sempena Hari Wilayah Putrajaya kali ini.

Dengan membariskan artis termasuk Ziana Zain, Rem dan kumpulan In-Team, pesta itu dikunjungi lebih 5,000 warga Putrajaya. Jika dikira dari segi kehadiran orang ramai, ia adalah program paling berjaya.

Ini kerana beberapa program yang diadakan sepanjang sambutan itu kurang mendapat sokongan orang ramai terutama penduduk Putrajaya.

Ini agak mengecewakan kerana Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan sudah didiami kira-kira 35,000 orang.

Contohnya, sambutan acara Karnival Komuniti di padang Sekolah Menengah Putrajaya I, 9 Februari lalu begitu menyedihkan kerana kehadiran penduduk terlalu sedikit.

Sebahagian besar daripada mereka yang datang adalah peserta acara pada hari berkenaan seperti tarik tali dan sukaneka. Hanya segelintir warga Putrajaya yang hadir untuk memberi sokongan bagi memeriahkannya walaupun program itu dikhususkan untuk mereka.

Karnival itu adalah satu-satunya acara yang diadakan khusus untuk penduduk Putrajaya bagi merapatkan silaturahim sesama penduduk.

Malah, tindakan penganjur memberi amaran bahawa polis akan menarik kereta yang diletakkan di tepi jalan (walaupun tidak menghalang lalu lintas), sedikit sebanyak turut menjejaskan semangat orang ramai memeriahkan karnival itu.

Perbadanan Putrajaya selaku penganjur, menyusun enam acara utama sempena sambutan ulang tahun kedua penubuhan Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Bermula dengan pelancaran sambutan di Taman Botani pada 4 Februari lalu, diikuti Pertandingan Kenu Jemputan Antarabangsa (6-8 Februari), Karnival Komuniti (9 Februari), Pertandingan Memancing (15 Februari), Pesta Aneka Budaya (22 Februari) dan Pertandingan Seni Suara Burung Merbuk (23 Februari).

Tinjauan Berita Harian mendapati pelancaran Hari Wilayah Persekutuan Putrajaya oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, disusuli perasmian Taman Botani, agak meriah tetapi kurang pembabitan orang luar.

Pertandingan kenu di Tasik Putrajaya, walaupun sambutan menggalakkan dari 15 negara yang menghantar 193 pegawai dan peserta, senyap tanpa sokongan orang ramai untuk memeriahkan pesta itu.

Bagaimanapun, Pertandingan Memancing Putrajaya yang berlangsung di Promenad Presint 1, 15 Februari lalu, mencerikan penganjur kerana berjaya menarik ribuan pengunjung termasuk kaki pancing dari seluruh negara.

Dengan disertai beberapa acara sampingan termasuk pertandingan

memasak,  
pertandingan memancing yang diadakan dengan kerjasama Unit Joran Berita Harian Sdn Bhd, berjaya menghidupkan sambutan Hari Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Pertandingan Seni Suara Burung Merbuk, diadakan buat kali ketiga di Taman Wetland Putrajaya, disertai 399 burung dari sekitar negara Asean termasuk Indonesia dan Thailand.

Meskipun penyertaan menggalakkan dan ini terbukti apabila ada pemilik burung merbuk gagal mengambil bahagian kerana tiada kekosongan, tetapi kehadiran orang ramai untuk memeriah dan mendekati warisan lama itu kurang memuaskan.

Walaupun tidak semua orang meminati burung merbuk, tetapi kehadiran orang ramai adalah penting untuk memeriahkan majlis yang diadakan.

Tanpa pembukaan Taman Botani, Pesta Aneka Budaya dan Pertandingan Memancing, mungkin program sambutan ulang tahun kedua penubuhan Wilayah Persekutuan Putrajaya hilang serinya.

Mungkin tahun depan, pihak penganjur perlu mewujudkan program lebih menarik untuk menarik kehadiran lebih ramai pengunjung selain mengadakan publisiti lebih agresif.

Kehadiran pengunjung terutama dari luar Putrajaya bukan saja akan memeriahkan program tetapi menjayakan hasrat kerajaan menjadikan Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan sebagai destinasi pelancongan popular.

Penolong Pengarah Kanan (Perhubungan Awam) Jabatan Perkhidmatan Korporat Perbadanan Putrajaya, Norhazifa Mohamed, yang mengulas sambutan orang ramai, mengakui ada beberapa acara yang diadakan kurang mendapat sambutan.

"Memang ada acara yang diadakan kurang sambutan berbanding jangkaan tetapi pada keseluruhannya memuaskan," katanya.